Title	Masuri S.N. sekilas pandang, seteguk air: Murid, guru dan pengetua istimewa
Author	Kamsiah Abdullah
Source	*Seminar Masuri S. N (2008), Singapura, 26 – 27 Julai 2008*

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Masuri S.N. Sekilas Pandang, Seteguk Air: Murid, Guru dan Pengetua Istimewa

Kamsiah Abdullah
Universiti Teknologi Nanyang, Singapura

Nama Masuri S.N. terkenal sebagai seorang penyair agung Dunia Melayu yang telah mengharumkan nama Singapura, tempat beliau lahir dan berkarya hingga ke akhir hayatnya. Karya-karya beliau terutama sajak-sajaknya kerap dideklamasikan oleh para peminat seni kesusasteraan Melayu di mana-mana diadakan majlis dan acara bahasa dan kebudayaan. Namun ramai yang tidak begitu sedar bahawa Masuri S.N. atau Cikgu Masuri adalah juga seorang pendidik yang berwibawa yang telah meninggalkan jejaknya yang istimewa dalam dunia pendidikan.

Pengaruh beliau di kalangan teman-teman dan anak muridnya amat besar. Gelaran Cikgu yang lebih akrab disebut dalam kalangan mereka walaupun mereka lebih maklum jiwa seni guru mereka sebagai seorang penyair ulung yang telah mencapai taraf mulia sebagai tokoh Tun Seri Lanang dan Doktor Kehormat.

Kertas kerja ini akan cuba mengenali sekilas pandang sambil menyelami sekadar seteguk air, wajah Masuri dalam kehidupannya sebagai seorang murid, guru pelatih, 'pegawai pelajaran' lulusan dari SITC dan pengetua sekolah yang menyumbang sebagai seorang guru Melayu dalam gerak kocak zaman persekolahan Melayu hingga ke akhir hayatnya. Detik-detik sumbangan dan pengaruh sepanjang zaman daripada 1) semasa baru masuk ke sekolah, 2) pelatihannya sebagai seorang guru, 3) perjawatannya sebagai guru muda di sekolah rendah Melayu, 4) kemudian ke fasa sekolah Menengah dan akhirnya, 5) sebagai seorang pengetua akan cuba diselidiki, dicerakin dan dipersembahkan.

SUMBER DATA KAJIAN

Bahan atau data kajian ini didapatkan menerusi wawancara daripada tiga jenis sumber; (1) wawancara dengan Masuri SN sendiri semasa hayatnya, (2) dengan dua belas orang bekas murid yang beliau ajar, (3) murid dari sekolah lain yang dibimbing beliau, (4) teman-teman guru dan juga bukan guru yang sempat bersama beliau semasa hayatnya. Sebahagian dari wawancara ini dilakukan secara bersemuka iatu secara perseorangan, ada juga secara berkumpulan. Ada daripadanya dilakukan menerusi e-mel dan juga menerusi talian telefon. Kesemuanya 18 orang telah diwawancara, nama-nama mereka yang telah ditemubual itu disenaraikan di bahagian belakang kertas kerja ini iaitu di Lampiran A, setelah mendapat persetujuan dari mereka yang terlibat.

Namun data yang paling berharga untuk kajian ini saya dapati menerusi wawancara saya dengan Cikgu Masuri pada 1 April 1997, iaitu 11 tahun yang lalu semasa beliau diam di Pasir Ris. Dalam wawancara khusus tentang persekolahan Melayu itu saya telah sempat bertanya pengalaman peribadi beliau semasa beliau bersekolah dan sebagai seorang guru pelatih dan guru baru. Hasil rakaman audio itu telah ditranskripsi secara verbatim dan telah menjadi sumber penting dalam kajian saya tentang persekolahan Melayu, iaitu buku "Benih Budiman: Suatu Analisis Sisio-Sejarah Persekolahan Melayu yang diterbitkan oleh UPSI.

HUBUNGAN PENGKAJI DAN MASURI S.N.

Saya mula mengenali Cikgu Masuri semasa saya masih bersekolah rendah Melayu lagi, lebih kurang dalam Darjah V – melalui buku beliau "Awan Putih", cetakan pertama. Beberapa tahun kemudian, saya *mendengar* Cikgu Masuri mengajar kawan-kawan dari kampung saya yang belajar di *Siglap Secondary School* dan juga kemudian di Sekolah Menengah Sang Nila Utama. Hati kecil saya terasa iri hati dengan kawan-kawan yang saya anggap beruntung kerana mendapat bimbingan seorang sasterawan sebagai guru. Menjelang lima enam tahun kemudian, apabila berpeluang mempelajari Kesusasteraan Melayu semasa di Maktab Perguruan Singapura, baru dapat saya tela'ah sajak-sajak beliau seperti "Ini Nasi yang Kusuap". Saya baru berjumpa 'orangnya' setelah kembali dari bertugas di Brunei, kembali dari belajar di Universiti Malaya pada tahun 1984! Jadi saya kenal sajaknya dahulu kemudian barulah 'orangnya' – itupun dalam kumpulan-kumpulan ramai dalam acara-acara tertentu seperti seminar dan sebagainya. Maka dengan demikian temuramah bersama Cikgu Masuri saya anggap sebagai satu peluang yang tidak harus diketepikan. Kenangan manis hasil pertemuan itu menyelubungi saya semasa membaca semula transkipsi itu, memberi satu nostalgia gambaran yang seolah-olah hidup di depan mata.

MASUK SEKOLAH MELAYU

Masuri masuk Sekolah Melayu Telok Kurau pada tahun 1933 semasa berumur enam tahun, agak muda dari kebanyakan murid-murid lain. Kedudukan sekolah pada masa itu dekat dengan kampung beliau di kawasan Lorong K, Lorong L, Lorong H yang berpasir putih dan dipenuhi rumah-rumah atap. Di situ terdapat orang Melayu yang hidup dalam kota besar tetapi 'terasing' dan tidak ada "competition". Perkataan mula-mula yang digunakan beliau untuk menggambarkan kampung tersebut ialah "Masa itu banyak angsa". Mungkin itulah gambaran peristiwa kampung dan sekolah yang melekat dijiwanya. Keunikan kampung halaman dalam zaman kanak-kanak dengan tanah liat, pasir putih, ayam, itik dan angsa. Angsa-angsa kampung dibiarkan berkeliaran tanpa kurungan dan budak-budak takut dengan angsa yang giat mengejar dan menyudu budak-budak – sesekali terkena sudu dari muncung angsa akan terasa sakitnya begitu pedih.

Takut kepada angsa tidaklah setakut terhadap sekolah "Itu jam tak ada kindergarten, saya takut sekolah, takut kena kurung", kata Cikgu Masuri. Pergi sekolah itu bagaikan "kena kurung, tidak bebas bermain dengan kawan-kawan, merayau-rayau di sekeliling kampung, memanjat pokok buah-buahan, menangkap burung dan sebagainya. Bagi Masuri, takut sekolah bererti takut akan cikgu. Takutnya beliau kepada arwah Cikgu Muhammad Yatim tidak terperikan. Pada hari pertama beliau bersekolah, beliau masuk ke pejabat Cikgu Muhammad Yatim dengan perasaan cemas. Beliau duduk berdepan dengan guru tersebut. Oleh kerana jelas kelihatan kepada Cikgu itu bahawa budak itu (Masuri) dalam keadaan gementar, guru itu berkata kepadanya supaya janganlah takut dan menyuruhnya pergi ke luar. Masuri tidak berdaya bergerak, dia masih berdiri, tegak terpaku di hadapan cikgu menahan kesakitan – rupa-rupanya kakinya terpijak oleh cikgu tersebut! Beliau kesakitan kerana ia tidak memakai kasut!

LOMPAT DARI TINGKAP SEKOLAH

Satu lagi peristiwa hari pertama persekolahan beliau yang dapat saya catatkan di sini menunjukkan dengan lebih jelas takutnya untuk terkurung di sekolah; iaitu peristiwa beliau lari dari sekolah. Ketika itu loceng berbunyi, iaitu lebih kurang jam 10.30. Sambil bersiul

dengan kuat, Masuri, budak enam tahun itu berlagak semacam hero cilik kampung - ia memanjat tingkap kelasnya, terus terjun ke luar, lalu balik ke rumah. Beliau terus ponteng tidak masuk sekolah atau kelas lagi untuk beberapa hari. Kami ketawa mendengar cerita lucu Cikgu dan begitulah menurut rakan-rakannya, beliau memang amat suka membuat kelakar. Satu manifestasi kesukaan beliau terhadap 'wira' ini dalam jiwa kerdilnya ketika itu dinikmati bersama rakan-rakan dan bekas murid beliau kemudian hari apabila beliau sudah dewasa.

Semasa Darjah 1 itu beliau yang tidak mempunyai adik beradik suka berkawan dengan rakan-rakan sedarjah, yang ada sudah berumur 9 dan 10 tahun kerana beberapa tahun tidak 'naik darjah'. Keadaan murid-murid ketika tahun 30-an di Sekolah Melayu Lelaki Teluk Kurau - pergi ke sekolah memakai kemeja dan dan seluar pendek kuning, berkaki ayam tetapi bersongkok hitam. Sehingga dalam Darjah 5 beliau masih tidak mampu memakai kasut tetapi yang aneh, berpeluang menonggang basikal semasa lapang, di sekeliling kampung.

Di sekolah Melayu itu beliau belajar pelajaran Bacaan, Tulisan Jawi dan Rumi. Tulisan itu yang "superior". Ada Karangaan, ejaan dan Rencana (Jawi dan Rumi) yang dimulakan semasa Darjah 4. Beliau belajar Lukisan, Ilmu Hisab, Ilmu Alam; kemudian belajar Menganyam dan Tawarikh. Ternyata anak Jawa ini sangat bijak dan beliau tergolong sebagai murid yang pandai. Dalam masa Darjah 3 beliau mendapat tempat "murid terbaik". Dalam Darjah 4 kedudukan beliau turun sedikit, mendapat tempat kedua di seluruh darjah. Markah terbaik dalam Bahasa Melayu beliau perolehi hampir setiap tahun, namun dalam Peperiksaan Common Examination" lah bakat dalam karangan terserlah – beliau mendapat markah terbaik seluruh negeri Singapura. Ketika itu di sekolah Melayu, darjah tertinggi ialah hanya setakat Darjah 5.

BERTUKAR SEKOLAH

Beliau bersekolah di Telok Kurau dari tahun 1933 hingga 1936, kemudian bertukar pula ke Sekolah Melayu Geylang Lelaki yang terletak di antara Lorong 21 dan Lorong 23 Geylang. Ini disebabkan keluarganya berpindah ke depan Panggong Rex pada 1937 dan emak beliau tinggal di kawasan Geylang. Ketika itu beliau telah naik ke Darjah 5 dan "kena beli lagi seluar kuning". Tetapi ketika di sekolah itu, "saya pakai kasut, tetapi di kampung masih lagi saya berkaki ayam". Bermain bola dan bersukan amat disukai beliau kerana bersenam diajar seminggu tiga kali dalam keadaan kaki ayam itu.

Begitulah kampung dan sekolah membentuk alam kanak-kanaknya yang rindu terhadap kebebasan dan kefahaman mendalam terhadap kehidupan. Jiwanya yang lembut dan sensitif terhadap rakyat – insan-insan kampung yang miskin dalam material tetapi kaya dengan rasa 'bebas' kuat berjuang untuk mengisi kehidupan itu difahami benar-benar dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwanya hingga terlahir dalam tulisan-tulisannya.

Pada zaman itu sekolah-sekolah Melayu di peringkat-peringkatkan kepada Sekolah-sekolah Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A ialah "sekolah yang pandai" iaitu Sekolah Kota Raja, Sekolah Tanah Merah, Radin Mas, Sekolah Telok Saga, Sekolah Pasir Panjang. Cikgu Masuri bercita-cita hendak masuk ke Sekolah Kota Raja, yang baik dari segi akademik dan juga sukan. Namun beliau dilarang oleh bapanya kerana sekolah itu jauh sangat dan oleh kerana telah mencapai Darjah 5, disuruh berhenti sekolah.

Yang menjadi penyelamat beliau daripada berhenti sekolah ialah seorang guru yang sangat disayangi bernama Cikgu Juana Awang. "Saya sayang dia betul. Dia yang suruh saya

jangan berhenti sekolah. Dia bilang, "bapa kau, kau bukan ada apa-apa, di rumah bapa kau jualan, tetapi kau pergi sekolah."

Oleh kerana tidak ada kelas yang lebih tinggi, terpaksalah beliau duduk lagi dalam Darjah 5 walaupun sudah lulus peperiksaan dengan cemerlang terutama terserlah dalam pelajaran Karangan. Guru beliau selalu menjadikan karangan beliau sebagai karangan contoh dalam kelas dan inilah yang membangkitkan semangat beliau untuk terus bersekolah walaupun dalam kelas yang sama. Kaedah mendorong minat begini diamalkannya semasa beliau sendiri menjadi guru di kemudian hari.

Bersekolah begini tidak begitu membebankan ibu bapa kerana buku rampaian saja yang perlu dibeli. Buku-buku teks yang sama digunakan, buku sejarah, Pelbagai Ceteria Melayu, Sejarah Melayu, buku Winstedt. Kawan beliau yang bersama terpendam dalam Darjah 5, iaitu darjah tertinggi bagi sekolah Melayu ialah Amir bin Hassan yang kemudiannya turut menjadi guru pelatih dan melanjutkan pendidikan di SITC dari tahun 1946-1949. Kini Masuri mengambil peluang menelaah lebih dalam bidang yang diminatinya, bidang karang-mengarang,"Buku Za'ba itu saya dah matang. Kulit ke kulit habis saya baca. Itu menguntungkan." Katanya dengan sungguh-sungguh semasa ditemuramah.

Selain dari itu beliau seolah-olah terapung-apung, tidak ada sesuatu yang khusus untuk dicari atau dituju dalam memikirkan hal pekerjaan atau mata pencarian masa depan. "Hendak bekerja pun, umur baru 12 tahun". Hendak menjadi polis beliau tidak suka kerana dianggap sebagai 'anjing kompeni', lagipun tidak ada peluang bagi orang-orang keturunan Jawa seperti beliau, kerana British hanya memberi peluang bagi orang-orang Melayu Melaka saja yang gemar menjadi polis kerana akan mendapat "quarters" percuma. Hendak menjadi seorang *"fire brigade"* atau posmen, beliau rasa dirinya tidak kuat. Beliau sangat suka jika dapat menjadi seorang guru, lagipun beliau mempunyai kelayakan dan markahnya juga bagus. Begitulah merendah dirinya Masuri menceritakan pencapaian sekolahnya di mana hanya mereka yang mendapat markah tinggi saja yang mendapat tawaran pertama menjadi 'guru'.

DIPELAWA MENJADI GURU PELATIH

Setelah menunggu selama empat tahun dalam Darjah 5 itu, barulah beliau terima pelawaan "Awak hendak jadi guru?". Kata Cikgu Masuri perasaannya seolah-olah 'terpelanting' dan terus cepat-cepat balik ke rumah pakai songkok (entah mengapa). Beliau diterima sebagai guru pelatih dan telah ditugaskan mengajar di sekolah yang sama, iaitu Sekolah Geylang. Kali pertama sebagai seorang guru pelatih itu, beliau, yang ketika itu berumur 13 tahun lebih, mengajar murid-murid Darjah 2. Dapat saya bayangkan Cikgu Masuri yang agak kurus tinggi itu ketika berumur belasan tahun mengajar murid-muridnya, murid yang 'besar-besar'.

Peristiwa mula-mula mengajar itu menggerunkan beliau juga. Ada seorang murid yang sudah 11 tahun umurnya dalam kelas yang diajar. Cikgu Masuri menyuruh budak yang tinggi itu memadam papan hitam. Tidak disangkanya budak itu mengambil sebatang buluh lalu "melesing" ke arah guru. Ketika itu ada juga dijalankan kaedah "pair-teaching", iaitu mengajar berpasangan. Guru yang bersama-sama mengajar darjah itu yang bernama Cikgu Idris adalah seorang yang sangat sangat sabar. Beliau hanya memanggil budak nakal itu, tidak dimarahinya, bahkan ia menasihati Cikgu Masuri supaya bersabar saja. Jangan dihukum budak yang merejamnya itu. Masuri patuh dan menerima nasihat yang baik itu, kerana tidak berguna menggunakan kekerasan untuk melawan keingkaran dalam konteks bilik darjah. Sifat guru penyabar ini dibawa menjadi pegangan hidup dan diperlihatkan

semasa beliau mengajar sepanjang hayatnya. Peribadi ini disebut-sebut oleh mantan murid-muridnya seperti Osman Ismail, Bahari Salleh, Hamsani Raoh dan Zainab Rahim dan lain-lain yang menambah bahawa Masuri adalah seorang yang lembut (gentle).

MENUNTUT ILMU PERGURUAN DI MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS

Beliau lulus dalam Peperiksaan Pemilihan menjadi guru pelatih tetapi tidak terus ke Maktab Sultan Idris Tanjong Malim, Perak yang merupakan institusi terbilang dalam pendidikan perguruan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Semasa beliau menjadi guru pelatih, beliau diberi gaji sebanyak 13 ringgit tetapi akan mendapat latihan perguruan. Namun wang sebanyak atau sekecil itu digunakan sedikit untuk membeli buku dan menampung perbelanjaan beliau mempersiapkan diri untuk masa hadapan. Semangat kuat untuk memperbaiki diri dalam pelajaran menyebabkan beliau belajar bahasa Inggeris sebagai tambahan di Sekolah Gan Eng Seng. Beliau rajin "self-study" dan seorang ulat buku.

Kira-kira setahun sebelum Perang Dunia Kedua meletus, beliau bersama rakan-rakan Suradi Parjo, Amir Hassan dan Muhamad Arif Ahmad berangkat ke menari gading SITC untuk menimba ilmu pendidikan. Itu adalah pencapaian yang sungguh bererti kerana setiap tahun, pada mulanya hanya dua orang yang dipilih dari Singapura untuk mendapat latihan perguruan yang disanjung itu. SITC ketika itu ialah mahkota pendidikan Melayu, tapak semaian bagi pemimpin-pemimpin Melayu yang menyumbangkan ilmu, kemahiran serta meniup semangat nasionalisme ke seluruh pelosok Tanah Melayu dan Singapura. Ketika zaman British sebelum perang itu, beberapa orang guru pelatih dari kota Singapura telah pun mencapai kejayaan di Tanjong Malim – Cikgu Asri, Jamil Ahmad, Saiin Haji Nor, Yaakob Awang, Taklim Osman, Suradi Ahmad, Hj Boslan Abbas (temuramah dengan Allahyarham Hj Boslan beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia). Masuri menceburi bidang ini dengan hati berdebar-debar.

Apabila perang meletus, beliau terpaksa balik ke Singapura kerana kolej itu ditutup. Di situlah beliau menyaksikan penindasan berbentuk kasar, buas dan lebih menyiksakan rakyat. Sebagai guru pelatih, diteruskan belajar dan mengajar di Singapura sambil beliau merakam pengalaman dan perasaan beliau dalam sajak-sajak awal itu termasuk sajak *signature* nya, 'Ini Nasi Yang Kusuap'. Beliau belajar bahasa Jepun dan menghantar banyak kuntuman sajak dan cerpen kepada pihak pemerintah Jepun tetapi tidak disiarkan kerana ditakuti sajak-sajak beliau akan merangsang penentangan terhadap penjajahan Jepun itu. Selepas perang beliau kembali menuntut di Seberang, tentulah turut bersama dengan rakan-rakan dan guru atau pensyarah yang ketika itu sedang menggelegak dengan semangat inginkan kebebasan dan kemerdekaan dari penjajahan. Masuri turut dalam gejolak perjuangan di kampus tersebut. Di antara rakan-rakan dari SITC yang seangkatan dengan Masuri ialah Allahyarham Ghaffar Baba yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Cikgu Masuri lulus SITC dan kembali ke Singapura sebagai guru yang bertauliah pada tahun 1949. Maka bermulalah satu kerjaya yang cemerlang dalam hidupnya sehingga beliau bersara sekitar tahun 1982. Sepanjang masa itu beliau pernah menjadi pensyarah sambilan melatih guru-guru Melayu secara sambilan pada hujung-hujung minggu dan akhirnya menjadi guru besar.

MENJADI MAHA GURU KEPADA GURU-GURU PELATIH

Tidak seperti Masuri yang tidak menerima apa-apa latihan persediaan sebelum memasuki SITC, bakal guru-guru pelatih yang telah terpilih zaman awal tahun 1950-an, sambil menunggu giliran mendapat latihan sama ada di SITC, MWTC (Maktab Perguruan

Guru-guru Perempuan) atau ke Maktab Perguruan Singapura sebagai guru-guru Normal atau TUOS, mendapat peluang dilatih dalam program persedian pada hujung-hujung minggu (hari Sabtu) bertempat di Sekolah Melayu Geylang. Cikgu Masuri ialah salah seorang guru (maha guru atau pensyarah) yang mengajar dalam skim itu, bersama dengan pensyarah lain seperti Cikgu Akbar Ali yang mengajar Matematik, Ahmad Taib, Sulaiman Suhaimi, Karim Mohd Shariff, Ma'mun Ismail dan beberapa orang lain. Beliau mengajar bahasa Melayu dan ilmu karang-mengarang termasuk sastera. Walaupun pernah mencapai taraf "guru bagi para guru pelatih" Masuri tidak pernah merasa dirinya pandai. Tidak seperti setengah-setengah orang lain. Ini adalah keterangan jujur yang diberi oleh Abdullah Sardi, seorang bekas murid yang telah Masuri ajar semasa beliau dalam skim latihan itu. Murid-murid beliau ada yang terpilih sebagai Tokoh-tokoh guru SITC dari Singapura; yang pernah dilatih oleh tangan beliau ialah mantan Setiausaha Parlimen Encik Sidek Sanif, Haron Ghani, Masran Sabran dan lain-lain. Cikgu Masuri mengajar sastera dan sajak-sajak Melayu moden dan di situ berputik keghairahan dan cinta terhadap kesusasteraan Melayu di kalangan mereka. Mereka mengenali Masuri sebagai salah seorang pengasas ASAS '50 yang baru ditubuhkan beberapa tahun sebelumnya.

ANGKATAN GURU MENGAJAR KELAS MENENGAH ALIRAN MELAYU YANG PERTAMA DI SEKOLAH MENENGAH SIGLAP

Masyarakat Melayu, ketika itu telah lebih sedar tentang nilai pelajaran. Melalui Majlis Pelajaran Melayu, mereka mendesak kerajaan membatalkan sistem pelajaran yang dipanggil skim Re-orientation Plan. Dalam rancangan itu murid-murid dalam Darjah 4 sekolah Melayu akan mempelajari semua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris kecuali subjek bahasa Melayu dan kemudian mengambil Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana sukarnya berubah aliran bahasa itu, terlalu ramai murid dari sekolah Melayu yang kecundang dan tidak dapat meneruskan pelajaran sama ada di sekolah Inggeris atau lebih-lebih lagi ke sekolah Melayu kerana belum ada sekolah menengah aliran Melayu itu. Hasilnya ialah murid-murid yang "setengah masak", iaitu pandai dalam bahasa Melayu tidak, Inggeris pun tidak.

Sekitar pertengahan tahun 1950-an, tuntutan Majlis Pelajaran Melayu supaya ditubuhkan sebuah sekolah aliran Melayu memuncak dan direalisasikan melalui tawaran beberapa buah kelas aliran Melayu di sekolah-sekolah Inggeris. Salah sebuah kelas tersebut diletakkan di Sekolah Menengah Siglap di mana kumpulan perintis aliran Melayu dimulakan. Sekolah Menengah Siglap merupakan sekolah menengah Inggeris yang baik dengan murid-murid terdiri dari golongan pertengahan yang tinggal di daerah Opera Estate, Siglap, Bedok dan Jalan Eunos. Antara murid dalam kumpulan ini ialah Bahari Salleh, dalam kumpulan pertama di bawah 'Reorientation Plan' yang melanjutkan pelajaran sekolah Melayunya di sebuah Kelas Khas Menengah Melayu bertempat di Sekolah Menengah Siglap itu. Pengetua sekolah itu ialah Allahyarham Ismail Aziz dan Guru Kanan ialah Ahmad Dhaffir yang telah memberi sumbangan kepada perjuangan mempertingkat pendidikan anak-anak Melayu menerusi aliran Melayu.

Menurut Cikgu Bahari, sebelum kedatangan Cikgu Masuri sebagai guru bahasa bagi kohort/kumpulan mereka, mata pelajaran ini tidak diajar oleh seorang guru yang mahir dalam bahasa tersebut. Mereka telah menulis surat permohonan khas kepada pengetua sekolah dan Kementerian untuk mendapatkan seorang guru bahasa Melayu yang terlatih khusus dalam subjek itu. Maka hasil dari permohonan itulah Kementerian Pelajaran telah memperkenannya menghantarkan Cikgu Masuri ke sekolah tersebut. Beliau memikul

tanggung jawab yang mencabar, memandangkan itulah kelas menengah aliran Melayu yang pertama di Singapura, yang akan mendidik para pelajarnya hingga ke Peringkat 'Senior Cambridge'. Bahari Salleh, yang kini merupakan seorang guru pesara masih ingat bahawa melalui Cikgu Masuri mereka lebih ghairah belajar bahasa Melayu. Diperkenalkan sastera Melayu – novel-novel, cerita-cerita pendek dan sajak yang amat diminati mereka. Guru mereka itu dapat menaikkan semangat mereka supaya cinta akan bahasa Melayu. Kebanyakan dari mereka lulus dengan baik kerana nasihat dari guru yang prihatin terhadap kemaslahan mereka.

Masuri tidak hanya meningkatkan prestasi dan semangat murid-murid aliran Melayu, tetapi murid-murid dari aliran Inggeris. Osman Bin Ismail, seorang guru pesara ialah murid dari aliran Inggeris yang telah belajar di bawah Masuri selama menuntut di Sekolah Menengah Siglap; begitu juga Mohamed Sidek Abbas dan Hitam Binte Adnan. Menurut mereka, Masuri ialah seorang guru yang disayangi murid-muridnya. Beliau dikatakan seorang guru yang berdedikasi dan serius dalam menjalankan tugasnya sebagai guru. Murid-murid beliau menghargai pengajaran dan liku-liku bahasa yang telah disampaikan. Beliau banyak memberi panduan, isi pelajaran beliau bernas dan biasanya beliau akan menulis butir-butir penting dalam tulisan tangan yang cantik dan kemas di papan hitam. Murid-murid seperti biasa akan menyalinnya dalam buku-buku rampaian sebagaimana yang biasa dilakukan pada zaman itu. Murid-murid mendapat bimbingan yang lebih bermakna dalam pelajaran karangan dan ada di antara murid-murid beliau yang meminati penulisan cerpen, sajak dan lain-lain kerana mendapat motivasi, galakan dan bimbingan daripada Cikgu Masuri. Cara Masuri memberi galakan, bukan hanya terhad kepada suruhan lisan sahaja, beliau kerap membaca karya-karya murid yang di luar dari tajuk karangan sekolah atau sukatan pelajaran. Murid-murid bolehlah menulis apa-apa karangan kreatif, cerpen atau sajak dan diberi kepada beliau pada bila-bila masa. Hitam Adnan bersungguh-sungguh memberitahu bahawa "semua murid-murid dalam kelas yang diajar Cikgu Masuri pandai tulis sajak, termasuk Sunny Neo, seorang Cina Baba". Kenyataan ini dibuat walaupun kata beliau (Hitam) Masuri hanya mengajarnya dalam Menengah 2; semasa Menengah 3 dia ajar oleh Cikgu Harun Ghani.

Suatu hari, Osman, seorang murid yang telah ditingkatkan keghairahan dan semangatnya untuk menulis, telah mengarang sebuah karangan bebas "cerita dunia gelap". Setelah siap karangan itu beliau tidak sabar untuk menunjukkan cerita pendeknya itu kepada guru beliau, Cikgu Masuri. Lalu diketuk pintu di kelas lain yang sedang diajar oleh Cikgu Masuri. Oleh kerana waktu itu keadaan memang mengizinkan, Cikgu Masuri dengan serta merta membelek-belek kertas tersebut dan terus memberi 'audience' untuk cerita itu – beliau membacakan cerpen itu di hadapan murid-muridnya di kelas lain itu. Peristiwa ini menjadi kenangan manis kepada bekas murid tersebut dan menambahkan semangatnya untuk terus menulis sehingga tercapai cita-cita menjadi Penyelaras buku-buku teks CPDD Bahagian Primary (MASS).

Perhubungan guru-murid ini tidak hanya terbatas di pekarangan sekolah sahaja, bahkan diteruskan di luar sekolah iaitu di rumah beliau juga kadang-kadang di kedai kopi atau kedai makan. Semua bekas murid yang saya temu ramah menyebut kenangan manis dan mesra dalam sesi-sesi pertemuan mereka di rumah Cikgu Masuri sendiri. Di antara mereka termasuk Bahari Salleh, Mohamed Sidik Abas, Osman Ismail, Abdul Rashid, Syed Omar Syed Ali yang telah berhijrah ke Malaysia dan berpangkat Colonel. Ketika itu beliau telah pun berpindah dari rumah sewa, tinggal di sebuah rumah yang dibinanya sendiri di Lorong Engku Aman, *off* Paya Lebar Road. Murid-murid ini kerap datang ke rumah cikgu mereka dalam kumpulan-kumpulan kecil, untuk melihat-lihat buku-buku baru, mengintai-ngintai

novel-novel baru dari Indonesia, melihat-lihat karya-karya Masuri sendiri di samping membincangkan berbagai-bagai persoalan terutama tentang sastera. Sastera itu hidup di rumah cikgu Masuri.

Layanan yang diberi oleh Masuri sungguh mesra dan ikhlas dan ada kalanya mengasyikkan (M. Sidek Abas). Di situlah juga minat mereka terhadap pelajaran, sastera Melayu tumbuh dengan tebalnya. Cikgu Masuri gemar merokok dan dalam keadaan santai membicarakan topik dengan murid yang dirasa seperti rakan-rakan itu, beberapa batang rokok akan dihabiskan. Biasanya mereka akan duduk di sana berjam-jam lamanya dan dihidangkan minuman oleh isteri beliau yang tidak pernah masuk campur dalam perbualan guru-murid itu.

MENGAJAR DI SANG NILA UTAMA: SEKOLAH MENENGAH MELAYU PERTAMA

Mohamed Sidek Bin Abbas belajar di bawah Cikgu Masuri dalam dua buah sekolah – di Sekolah Menengah Siglap pada tahun 1960 dan '61 dan kemudian mengikut Cikgu Masuri berpindah ke Sekolah Menengah Sang Nila Utama pada tahun 1962 hingga '63. Di Sekolah Menengah Siglap Masuri mengajar subjek Bahasa Melayu, tetapi bertukar mengajar Sastera Melayu apabila berpindah mengajar di sekolah menengah aliran Melayu. Di sekolah Menengah Melayu yang pertama, Sang Nila Utama, Cikgu Masuri baru dapat peluang mengajar anak-anak muda menghayati Kesusasteraan Melayu. Ketika itu juga sikap beliau untuk memupuk bakat murid-murid terserlah. Sesi-sesi tidak rasmi di luar sekolah berjalan terus dengan murid-murid beliau yang baru. Sajak-sajak beliau kini dipelajari sebagai teks Kesusasteraan Melayu SPM dan beliau lebih sibuk melayani dan membimbing murid-murid sekolah beliau ketika itu.

Selain dari itu, Radio Singapura kerap menyiarkan sajak-sajak Masuri yang dideklamasi oleh beberapa orang murid didikan beliau melalui rancangan Belia kelolalaan Abdul Rahman Samion. Diantaranya ialah Mohd. Guntor Sadali, Ketua Editor Berita Harian yang ketika itu bersekolah di SNU tetapi bukan murid Masuri yang sudah menjabat jawatan kanan di sana. Guntor mengenang kembali caranya 'mendidik' itu seperti ini:

"Sajak itu dipilih oleh Cikgu Masuri. Dan selalunya beliau akan memberi kami sajak itu beberapa hari sebelum kami ke Radio Singapura. Kami baca, beliau dengar. Dan baru beliau membetulkan bacaan kami mana-mana yang perlu."

Cara menggali bakat seperti ini sangat disukai Guntor dan rakan-rakannya kerana selain dari mendapat peluang mendengar suara mereka di corong radio, mereka juga diberi bayaran. Begitulah yang dilakukan Masuri sebagai pendidik dan pemupuk minda-minda yang cerdas dan bakat-bakat yang terpendam di kalangan murid-murid SNU.

Apabila ditanya melalui telefon, Kamisah Binti Sukisan masih ingat beliau diajar Masuri dalam pelajaran Bahasa Melayu ketika dalam Menengah 4 kelas Malaysia Certificate of Education (MCE) atau Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau dapati Masuri seorang guru yang serius penampilannya. Beliau tidak banyak bercakap perkara yang remeh-temeh, jarang menaikkan suaranya dan pentingkan disiplin dalam darjah. Beberapa kali Masuri menegur murid-murid yang sedang bercakap ketika beliau menerangkan sesuatu tetapi beliau tidak sampai "menjotos" murid atau menghukum murid berdiri atas bangku, seperti kebiasaan guru-guru lain. Dalam kelas ini beliau tidak membuat kelakar, berpakaian selalu 'simple', kemas dan sopan. Dikatakan beliau suka memakai baju berwarna cerah berlengan panjang. Beliau berusaha mengajar supaya murid-murid dapat markah lulus dengan baik. Beliau memperjuangkan seni untuk masyarakat, mengajar hasil karya seninya tetapi tidak pernah mempromosikan dirinya kepada murid, tak pernah mempromosikan buku-bukunya untuk

dibeli, tak pernah membandingkan dirinya dengan pengarang-pengarang lain. Cara penyampaiannya puitik, datang dari naluri yang semula jadi.

Murid-murid yang lebih rapat dengan Masuri ialah mereka yang terlibat dalam Persatuan Bahasa Melayu dan mereka yang belajar di bawah Masuri dalam kelas HSC, Sijil Tinggi persekolahan dalam tahun 1965 dan '66. Antara mereka dalam kumpulan perintis ialah Yatiman Yusof, Anggota Parlimen Tampines GRC, mantan Setiausaha Kanan Kementerian Informasi dan Kesenian yang kini masih menyumbang jasa sebagai Duta Kelana untuk tujuh Negara Afrika. Zainab Rahim yang menjawat jawatan tertinggi dalam Radio Singapore International (RSI) juga demikian. Mereka belajar lebih tinggi dalam Kelas Pra-U aliran Melayu yang mula-mula. Zainab yang tinggi lampai, cergas dan bijak dinasihati Masuri supaya menerima perlantikan sebagai Naib Ketua Murid SNU. Zainab menulis dalam e-melnya kepada saya demikian tentang Masuri guru kesayangan beliau yang sangat dihormati, *"I wish I could learn much more from him – penetrate his thoughts much more than I did then."*

Tentang perawakan guru ini beliau mendeskripsikan begini:

> *"He is suave, friendly and gentle, full of wisdom. He was not handsome or macho, but elegant, slim, fit and a man of vision, with shiny glistening eyes. I cannot forget his smile."*

Sehingga hari ini, Zainab masih terbayang Masuri berdiri di hadapan kelas yang seramai lebih kurang 30 orang itu membacakan sajaknya "Ini Nasi yang Ku Suap". Baru sekarang setelah berumur 60 tahun lebih, Zainab memahami mesej yang terlekat dalam sajak itu; baru sekarang Zainab sedar bahawa sesiapa saja boleh menikmati cahaya terang dalam kehidupan, tetapi dalam menempuh kegelapan, hanya mereka yang berani dan tabah sahaja yang dapat yang dapat melihat jalur cahaya dalam diri mereka sendiri. Dan hanya mereka yang berani menghadapi cabaran ini akan dapat memantulkan sinar diri mereka itu kepada orang lain. Masuri mengalami sinaran dari dalam diri ini dalam zaman gelap pekat pemerintahan Jepun, kemudian menyuluhkan sinar itu ke dalam dada murid-muridnya. Inilah keyakinan dan pengakuan Zainab dan kawan-kawannya.

> *"Ini nasi yang kusuap – so simple, yet so insightful as it becomes a reminder to me at times of trial and tribulations, especially when I am down and out in my journey of life. Life can never be worst off than not having 'ini nasi yang ku suap'. Can it?"*

Tidak seperti Zainab Rahim yang melanjutkan pelajaran ke Universiti Singapura, ramai bekas murid kemudiannya menjadi guru pelatih dan mempelajari sastera moden di Teachers' Training College (TTC). Tetapi mereka tetap ingat jasa-jasa beliau, guru yang dihormati, disayangi, guru yang telah terbilang sebagai sasterawan besar Nusantara, tetapi amat merendah diri walau di kalangan murid-muridnya yang kerdil dan daif.

PERHUBUNGAN DENGAN MURID DARI SEKOLAH LAIN

Seorang pelajar yang bukan murid Masuri tetapi telah tampil memberi saya maklumat berharga ialah Puan Maimunah Kemat, kini seorang penulis dan pakar perkhemahan atau bengkel Motivasi di beberapa buah masjid di sini. Maimunah menceritakan bahawa beliau tinggal di Kampong Pasir, Geylang, berdekatan dengan rumah Masuri tetapi bersekolah di Sekolah Menengah Tun Seri Lanang. Kesempatan berjumpa dengan Masuri dalam satu ceramah sastera di sekolahnya membuka peluang baginya untuk menghampiri rumah

Masuri untuk belajar dan bertanya tentang sastera dari guru sasterawan ini. Katanya beliau ini, dalam pengalaman yang pendek dan ringkas itu, sasterawan yang dihormati ini sangat *'simple'* dan *'humble'* orangnya. Dalam menerangkan sesuatu atau memberi komentar tentang tulisan Maimunah ia tidak *"merry-go-round"*, jawapan selalu spontan, mantap dan bernas. Masuri tidak lokek memberi tunjuk ajar kepada sesiapa yang memintanya termasuk seorang murid dari sekolah lain. Dari Masuri minat terhadap sastera terus dipupuk dan diasah sehingga berjaya.

HUBUNGAN DENGAN GURU-GURU SEKOLAH

Dalam kalangan guru-guru yang mengajar di SNU termasuk seorang guru siswazah yang baru lulus dari Universiti Malaya iaitu Cikgu Kasmadi Nasir yang kemudiannya naik tangga kerja dan bersara sebagai seorang Pakar Kurikulum Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan, Singapura. Menurut Kasmadi, Masuri yang ketika itu bertugas sebagai Guru Kanan, dan Sardi Shariff adalah pengetua SNU. Murid-murid terserlah dalam banyak kegiatan yang melibatkan bahasa dan kesusateraan, bahkan nama sebuah kumpulan guitar rancak seorang bekas murid SNU, iaitu "Impian Batik" diilhamkan oleh cikgu Masuri. Namun Masuri mempunyai sifat yang unik - dalam kalangan guru dan rakan Masuri sangat terkenal kerana sifat pelupanya. Antara cerita 'pelupa' ini ialah:

1. Suatu hari Masuri telah pergi berbelanja di C.K Tang yang terletak di Orchard dengan memandu kereta sendiri yang baru juga dibelinya. Beliau kembali ke rumah dan setelah malam barulah ia teringat bahawa keretanya masih di'parking' di gedung membeli belah itu. (dari Kasmadi Nasir)
2. Sebagai guru, kadangkala beliau terpaksa membawa murid-murid menonton pertandingan bola antara sekolah-sekolah pada waktu petang. Dan itulah yang dilakukan beliau yang bertugas membawa murid-murid ke stadium bola. Suatu hari setelah permainan selesai beliau pun pulang ke rumah. Setelah sampai baru beliau sedar bahawa rupa-rupanya beliau telah tinggalkan murid-murid di stadium tanpa membawa mereka pulang. (dari Mohd Latif Mohamad)
3. Beberapa kali beliau pergi ke pasar bersama isteri untuk membeli keperluan dapur. Setelah beberapa lama beliau pulang sendirian. Rupa-rupanya beliau telah terlupa, telah meninggalkan isteri beliau seorang diri dengan barang-barang pasar dan terpaksa pulang seorang diri.
4. Dengan Cikgu Masran dan kawan-kawan menonton wayang, selalu beliau tersalah masa, tersalah tempat, lain tempat berjumpa yang dijanjikan, lain pula panggung yang beliau tuju. Sehingga terlambat mereka menunggu kedatangan beliau yang ketika itu menaiki skuter.
5. Sekali, beliau telah pergi ke Johor Baru kerana sesuatu urusan. Beliau pulang dengan menaiki teksi, sampai di rumah baru sedar bahawa beliau pergi tadi dengan kereta. Alangkah terkejut kerana keretanya masih tersadai di Johor Baru. Mujur tidak ada sesuatu yang buruk dilakukan kepada kereta itu.

Kawan-kawan yang tahu perkara ini selalu mengingatkannya tentang temu janji yang perlu dipenuhi.

KEPERIBADIAN MASURI MENURUT MURID DAN RAKAN

Sebagai seorang sasterawan besar, beliau tidak mempunyai ego, baik di Indonesia atau Malaysia beliaulah sasterawan besar yang berhati rakyat. Beliau seorang penulis yang "turun ke padang", boleh berbual dengan orang biasa, dari penarik beca, guru, sasterawan atau orang yang berpangkat. Perbualan meliputi tentang topik apa sahaja. Beliau boleh gunakan bahasa slanga dengan orang-orang bertaraf "bawah" dan ungkapan-ungkapan bernas bila perlu. Sebagaimana yang ditulis, begitulah yang dipraktikkan. Perasaan humanisme – kemanusiaan beliau begitu tebal. Beliau seorang yang senang mesra dengan kawan dan murid, tidak banyak cerewet.

Dalam kalangan guru-guru pelatih yang diajar itu ada yang menjadi kawan rapat seperti Masran Sabran dan beberapa orang lain yang kaki wayang. Mereka kerap menemani Masuri menonton wayang, wayang 'morning show' yang lebih murah atau 'matinee' atau wayang biasa dibeli sama ada melalui 'black market' atau tiket biasa. Panggung wayang 'frekuen' mereka ialah panggung ROXY, QUEENS, REX, GALAXY, ALHAMBRA di mana mereka dapat membeli tiket berharga 50 sen (black market 70 sen), 1 ringgit, $1.30 atau $2, tetapi sekali-sekali mereka menonton juga di CAPITOL yang lebih "ada class" jika ada filem baru. Kadang-kadang sesebuah filem yang disukai itu ditonton berulang-ulang sehingga puas. Itulah – Masuri gemar menonton cerita-cerita 'cowboy' yang menggunakan pistol berperang-perangan dengan Dayak (Red Indian) yang pandai menggunakan panah.

Namun beliau sangat prihatin tentang keadaan hidup rakyat, pembelaan terhadap mereka yang tidak dapat keluar dari jerat kemiskinan, tentang hak-hak insani, erti kemanusiaan. Mohamad Latif Mohamad dalam bicara beliau bersama saya, menjelaskan bahawa sifat tersebut sebagai naluri semula jadi Masuri. Bersungguh-sungguh dan berkali-kali beliau akan tanyakan tentang masalah kawan-kawan dari soal makan dan minum hingga ke soal pelajaran anak-anak dan perkara-perkara lain. Yang menyebabkan beliau senang bergaul dengan masyarakat ialah sifatnya yang peramah dan tidak sombong, berpandangan terbuka dan boleh menyesuaikan diri dengan sesiapa sahaja. Itulah komentar dari Masran Sabran, begitu juga pandangan seorang yang mengendalikan urusan Haji dan Umrah, Haji Yusof Abdullah yang memuji watak beliau. "Cikgu Masuri tidak memberi sebarang masalah pun, tidak menunjuk-nunjuk, tidak membantah itu dan ini, tidak mencadangkan itu dan ini, tidak menganggap ada apa-apa kekurangan pun dari apa-apa yang diberi padanya atau yang dialaminya itu. Semuanya beliau syukuri dengan senang hati. Beliau adalah jemaah contoh yang baik."

Suka bergurau dengan rakan-rakan yang rapat menjadikan persahabatan begitu akrab. Masuri seorang yang suka berkelakar, kadang-kadang menggunakan bahasa yang tidak boleh didengar orang ramai, tetapi tepat mengena sasaran. Mungkin ini satu cara ia mengatasi tekanan dalam jiwanya yang kreatif dan imaginatif dalam gelora rasa yang hidup. Demikian antara pendapat Mohamed Latif Mohamad seorang sasterawan yang telahpun menyandang Anugerah Tun Seri Lanang.

Rakan-rakan yang pernah 'setiduran' dengan Masuri semasa di Kuala Lumpur, Jakarta, Batam, Pekan Baru atau di Tanjong Balai mengatakan beliau ini mempunyai suatu sifat yang aneh, kadang-kadang sukar difahami, apabila datang 'ilham' nya untuk menulis. Di tengah-tengah perbualan beliau akan meninggalkan kawan-kawan dan membuat helah bahawa ada sesuatu yang hendak dibuat di 'bilik'. Rakan-rakan fikir beliau hendak menunaikan hajat dan sebagainya, tentulah tidak lama. Beliau tidak muncul kembali dan terlupa rakan sedang menunggu. Rupa-rupa apabila ilham untuk menulis datang, beliau akan merakamnya dengan serta merta. Dr Abbas M Sharif, pensyarah NIE, pernah duduk di sebelah beliau, tiba-tiba ia meminta pen dan kertas lalu menulis dengan penuh tumpuan tanpa

mempedulikan Dr Abbas lagi. Baru Dr Abbas sedar bahawa itulah ketika dan masa ilham datang mencurah-curah apabila dicetuskan oleh sesuatu yang didengar atau dilihat dari ceramah itu.

MASURI SEBAGAI SEORANG PENGETUA SEKOLAH

Selepas Sekolah Menengah Sang Nila Utama ditutup, nasib guru-guru aliran Melayu di situ berubah – ramai yang ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah Inggeris sebagai guru bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua, mengajar mata pelajaran lain seperti *Mathematics, History, Geography* dan lain-lain. Masuri juga terpaksa di'transfer' ketika tahun-tahun akhir perjawatannya, iaitu kira-kira tahun 1976. Ketrampilan Cikgu Masuri dalam jawatan perguruan telah mendapat pengiktirafan dari pemerintah. Sebelum bersara dari kerjaya sebagai guru, Masuri telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Tanah Merah, salah sebuah sekolah rendah Melayu yang terakhir di Singapura. Murid-murid di sekolah ini tidak ramai dan tentunya semangat murid dan guru tidaklah seghairah pada zaman kegemilangan sekolah Melayu kerana mereka sedar umur sekolah mereka ini tidak panjang lagi dan pada bila-bila masa/tahun akan dipindahkan ke sekolah lain. Memegang tampok pimpinan sekolah sebagai Guru Besar merupakan satu tanggung jawab yang sungguh mencabar bagi beliau, kerana bukan sahaja persoalan kurikulum, ko-kurikulum perlu ditangani, bahkan ia meliputi pentadbiran seluruh sekolah – pengurusan kewangan, pengurusan profesional guru-guru, kebajikan murid, ibu bapa, bangunan dan padang, dan segala-galanya.

Jika difikirkan, walaupun Masuri seorang yang kerap pelupa, tetapi beliau bersikap teliti dan mempunyai disiplin dalam pengurusan, terutama tentang belanjawan. Tidak semudah itu untuk beliau meng"approve" sesuatu permohonan. Beliau akan meneliti dan membincangkan sesuatu perkara dalam jawatankuasa. Beliau akan memberi kata putus hanya setelah menerima pandangan orang lain. Begitulah pendapat Mohamed Pitchay Gani M.Abdul Aziz, Timbalan Ketua 1 ASAS '50.

Menurut Masuri sendiri dalam temu ramah dengan saya dalam tahun 1997 itu, menjadi guru besar itu adalah satu cabaran yang besar baginya, dan beliau tidak diberi latihan khusus untuk melakukan tugas-tugas pentadbiran sekolah. Bahan yang menjadi panduan dan rujukan beliau ialah sebuah buku bertajuk *"Elementary Principal's Handbook: New Approaches to Administrative Action" karangan Reynold Bean dan Harris Clemens, 1978*. Buku ini saya sebutkan kerana ialah satu-satunya buku yang dihadiahkan oleh Cikgu Masuri kepada saya pada 1hb April 1997 itu, semasa menemubual beliau di rumahnya di Pasir Ris.

Hadiah ini, bagi saya menunjukkan sikap pemurah beliau yang mengatasi sifat 'menyayangi buku' peribadi. Kata beliau lebih kurang begini, "ambillah buku ini yang saya gunakan semasa menjadi guru besar dulu, bagi awak mungkin lebih berguna lagi". Walaupun saya tidak menjadi guru besar, buku itu menambat hati saya kepada beliau dan menjadi kenangan seumur hidup.

Di situ tersembunyi satu keperibadian yang mulia, beliau bukan sahaja tidak lokek akan barang-barang peribadi, beliau ingin berkongsi segala pengalamannya yang ada. Sikap beliau terhadap materi ialah sebagai satu alat sahaja – yang boleh berpindah fungsi: "jika pada saya tidak berguna lagi, biarlah diberi kepada orang lain yang mungkin boleh manfaatkannya." Beliau juga tidak lokek tenaga dan jasa; Masuri pernah duduk dalam jawatankuasa Masjid Khalid yang terletak di Onan Road.

Maka jelaslah dan terserlah watak seorang insan yang mulia. Sebagai guru beliau adalah pembimbing, pendidik, penasihat, pemberi tauladan dan pengilham cita-cita – seorang guru

yang ikhlas, tidak mementingkan diri sendiri, sedia membantu bukan sahaja muridnya tetapi juga murid di sekolah lain. Beliau telah menabur terlalu banyak jasa. Jasanya akan dikenang oleh orang-orang yang sama-sama menapak di bumi ini, lama setelah pemergiannya dari alam ini.

Rujukan

Kamsiah Abdullah. 2007. *Benih Budiman: Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu.* Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Jabatan Pelajaran KGMS. 1970/71. Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura: Kuliah Umum 1970 / 1971.

Mohamed Pitchay Gani M. A. Aziz (ed). 2005. *Dari Gerhana ke Puncak Purnama: Biografi Asas '50, 55 Tahun Dalam Persuratan.* Asas '50.

LAMPIRAN 1

SENARAI NAMA MURID ATAU TEMAN-TEMAN YANG DITEMURAMAH

1. Mohamed Sidek Abbas (murid)
2. Kamisah Sukisan (murid)
3. Zainab Rahim (murid)
4. Hitam Adnan (murid)
5. Cikgu Hamsani Raoh (murid)
6. Cikgu Bahari Salleh (murid)
7. Cikgu Osman Ismail (murid)
8. Cikgu Abdullah Sardi (murid dan rakan)
9. Cikgu Masran Sabran (murid dan rakan)
10. Rosidah A Hamid (bukan murid)
11. Mohd Guntor Sadali (bukan-murid)
12. Puan Maimunah Kemat (bukan murid)
13. Mohamad Latif Mohamad (rakan)
14. Dr Abbas M Shariff (rakan)
15. Cikgu Kasmadi Nasir (rakan)
16. Mohamad Pitchay Gani (rakan)
17. Cikgu Syed Mohamad Alsagoff (rakan)
18. Haji Yusof Abdullah (kenalan di Mekah)